

Birokrasi, campur tangan jejas IPTA

BH - 09/07/2007

SELEPAS hampir 50 tahun Merdeka, institusi pengajian tinggi di Malaysia menunjukkan perubahan ketara dari segi kemajuan dan pembangunannya. Dari Kementerian Pelajaran dan akhirnya institusi pengajian tinggi mempunyai kementerian tersendiri iaitu Kementerian Pengajian Tinggi. Dari Universiti Malaya di Singapura hinggalah kini Malaysia sudah mempunyai 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan begitu banyak institusi pengajian swasta.

Dalam 50 tahun ini, rakyat Malaysia tentunya mempunyai harapan tinggi terhadap pengajian tinggi di negara ini untuk membentuk modal insan cemerlang, manakala masyarakat IPTA sendiri berharap dengan adanya kementerian tersendiri, universiti akan bergerak dengan momentum lebih laju bagi mencapai hasrat negara.

Namun, apa yang diharapkan semakin merumitkan. Antara kementerian dan IPTA, semakin hari semakin banyak campur tangan pengurusan mikro pihak kementerian ke atas IPTA. IPTA adalah badan berkanun yang ditubuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan mempunyai perlembagaannya serta Lembaga Pengarahnya tersendiri.

Campur tangan peringkat mikro seperti kelulusan perjalanan keluar negara, kenaikan pangkat, perjawatan dan akademik membuatkan IPTA berada dalam keadaan tersepit dan melambatkan proses pengembangan sesuatu IPTA.

Pegawai pada peringkat pengurusan kementerian seolah-olah tidak dapat berkomunikasi sesama sendiri apabila pelbagai jabatan di kementerian sering meminta maklumat sama daripada IPTA.

Isu campur tangan peringkat mikro amat ketara apabila pegawai kementerian mendesak supaya mereka ada wakil dalam keputusan kenaikan pangkat di IPTA. Tidak cukupkah wakil kementerian yang sudah dilantik dalam Lembaga Pengarah IPTA?

Masalah pengurusan mikro juga berlaku dengan ketara dalam IPTA sendiri.

Ada pengurusan tinggi IPTA mengongkong sistem sehinggakan pandangan pakar dari fakulti tertentu tidak didengari walaupun pihak pengurusan berada dalam bidang yang sangat berbeza.

Ada IPTA tidak memberi kuasa kepada fakulti dalam soal pengambilan pensyarah sehinggakan tugas membuat senarai pendekpun tidak diberi kuasa. Tetapi nama yang disokong oleh pengurusan khususnya Naib Canselor banyak yang tidak menepati kehendak fakulti terutama kelayakan sebagai pensyarah seperti keperluan fakulti. Ini menimbulkan keraguan integriti ke atas pengurusan.

Kewujudan Majlis Pengurusan Universiti juga menambah birokrasi dalam IPTA sehingga sekecil agenda membeli motosikal untuk kegunaan pembantu pejabat pun perlu diputuskan pihak majlis. Majlis ini atau singkatan MPU hanya dianggotai Naib Canselor (NC), Timbalan Naib Canselor (TNC) dan wakil pengurusan yang amat berkuasa ke atas semua organisasi di fakulti walaupun ketua jabatan mempunyai kuasa tersendiri.

NC, TNC dan profesor lebih cenderung ke arah mengekalkan jawatan pentadbiran mereka dengan melupakan kepakaran mereka untuk memberi ilmu kepada pelajar. Mereka yang sudah sampai umur bersara akan merayu kepada pihak atasan untuk mengekalkan perkhidmatan mereka dengan juga mengekalkan jawatan pentadbiran mereka.

Adalah amat merugikan kerajaan untuk menggunakan wang rakyat membayar dengan lumayan mereka untuk mentadbir sedangkan ilmu mereka diperlukan untuk pengajaran. Ahli akademik tulen adalah mereka yang sayangkan tugas mengajar dan menolak tawaran mentadbir.

Jawatan pentadbiran boleh disalurkan kepada pelapis yang ada. Adalah sangat dibimbangkan apabila terlalu lama mentadbir, akan wujud pimpinan diktator yang tidak boleh ditegur dan akhirnya berlaku cantas-mencantas sesama sendiri. Pihak kementerian harus melihat perkara ini dengan serius kalau inginkan modal insan kita mencapai tahap maksimum.

Kalau tidak, tiadalah maknanya kewujudan Kementerian Pengajian Tinggi dan perubahan menteri juga gagal memberi apa-apa impak kecuali gah pada nama saja.

**PROF MADYA
DR FAIZAL DAUD,
40100 Shah Alam, Selangor.**